

Newspaper
Date

Berita Harian
6 March 2016

TUN M BERSEKONGKOL DENGAN DAP UNTUK JATUHKAN PM

'Tak pernah sokong usul singkir Najib'



Zaman Khan

» Zaman kesal nama dikait dalam usaha burukkan PM

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Tan Sri Zaman Khan kesal dengan tindakan pihak tertentu mengaitkan dirinya dalam gerakan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletak jawatan.

Katanya, gerakan dicituskan Tun Dr Mahathir Mohamad, bertujuan bagi menarik sokongan rakyat tidak sewajarnya berlaku.

Zaman yang juga Pengerusi

Biro Integriti Majlis Perundangan Melayu (MPM), berkata beliau tidak pernah dijemput atau diminta bersama dalam kumpulan itu, biarpun mengetahui mengenai majlis menandatangani deklarasi itu, kelmarin.

Tak terima jemputan

"Tak pernah saya kata saya sokong usul untuk menjatuhkan Najib. Saya tahu pun (nama dikaitkan) dari anak saya. Saya tengok ada nama Tun Daim (Zainuddin) sekali, ramai tokoh, tapi saya bukanlah tokoh.

"Saya tidak mahu dikaitkan dengan aktiviti ini, tiada juga jemputan dimaklumkan supaya saya menyertai salah seorang yang melawan Najib, memang tiada dan saya tidak mahu," katanya ketika ditemui di Pusat Perubahan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di sini, semalam.

Zaman kini sedang mendapatkan rawatan sejak Isnin lalu dan keadaannya dilaporkan stabil.

Selain itu, katanya, tindakan Dr Mahathir mengadakan majlis itu sekadar usahanya untuk menghimpunkan serta mencari nama individu atau tokoh tertentu, tetapi caranya salah.

Zaman berkata, beliau yakin gerakan itu tidak akan mengugut keamanan negara, sebaliknya hanyalah protes dan tunjuk perasaan sesetengah individu kepada individu lain, tetapi ia mesti dipantau pihak berkuasa.

Bersatu demi keamanan

Sehubungan itu, beliau menegajak pemimpin dan orang Melayu supaya bersatu dan tidak berpecah kerana ia kunci kepada sebuah keamanan dan kestabilan politik dalam negara.

"Sekarang ini Melayu sudah

berpecah, ada duduk dalam PAS, PKR, Melayu DAP dan PAN (Parti Amanah Negara), ada juga Melayu yang melawan kerajaan, jadi senenglah Melayu mahu dipecahkan.

"Kita bukan mahu menindas bangsa lain, tapi niatnya untuk menyatupadukan bangsa kita. Tidak bolehlah yang minoriti menjadi pemerintah, ia akan membentuk suasana yang tidak stabil," katanya.

Zaman berkata, rakyat dan sesetengah pemimpin di negara ini sepatutnya bertindak secara demokrasi dengan menggunakan pilihan raya saluran memilih pemimpin dan kerajaan.

"Gunakanlah cara demokrasi, kalau kerajaan tidak betul, atau pemimpin itu tidak betul, kita gunakan saluran pilihan raya, kita boleh boikot," katanya.

5 soalan

S: Ada pihak menyifatkan Dr Mahathir terdesak apabila bersekongkol dengan pemimpin DAP dan parti pembangkang lain selepas gagal mempengaruhi ahli UMNO demi menjayakan matlamat menjatuhkan Perdana Menteri, bagaimana Datuk Seri melihat perkara ini?

J: Kenyataan itu tepat sekali, hanya kerana mahu memenuhi kehendak peribadi, mereka sanggup melakukan apa saja termasuk bersama pembangkang dengan mengetepikan amalan demokrasi.

S: Apakah bentuk tindakan difikirkan sesuai terhadap Dr Mahathir dan pimpinan yang masih ahli UMNO seperti Muhyiddin dan Mukhriz demi menjamin keutuhan parti dan yang paling penting menjamin kestabilan politik negara?

J: Siasatan perlu dibuat ke atas mereka yang menandatangani deklarasi berkenaan termasuk Dr Mahathir mengikut mana-mana undang-undang seperti Akta Hasutan dan sebagainya kerana cuba mendakikan proses demokrasi di negara ini dengan menggesa kerajaan dipilih secara demokratik, dijatuhkan. Bagi mereka

Cemar proses demokrasi

Isnin lalu, Tun Dr Mahathir Mohamad keluar UMNO dan tindakan itu disifatkan beberapa pemimpin politik bukan sesuatu yang mengejutkan kerana tindakan sama pernah diambil bekas Perdana Menteri itu pada tahun 2008. Kelmarin beliau dan beberapa pemimpin politik yang masih terikat dengan keahlian UMNO seperti bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkongsi pentas dengan pemimpin DAP dan pembangkang lain dalam cubaan menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak. Wartawan BH, Nazura Ngah mendapatkan pandangan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Azalina Othman Said bagi mengulas perkembangan terkini itu.

yang-masih ahli UMNO, mereka perlu dipecat dari parti sebagai langkah pertama.

S: Bagaimana Datuk Seri melihat kegagalan kumpulan pendesak diketuai Dr Mahathir menamakan pengganti Najib, sekali gus dilihat tiada perancangan dalam mencorak masa depan negara?

J: Betul. Mereka hanya mahu turunkan Perdana Menteri dan cuba memberi gambaran yang salah kepada rakyat. Jika benar mereka mempunyai perancangan dalam membentuk kepemimpinan negara pada masa akan datang, saya mencabar pemimpin terbabit supaya memberikan nama pengganti Perdana Menteri.

S: Politik 'menghalalkan cara' menjadi pertaruhan kelompok berkenaan apabila bekas pimpinan negara berkongsi pentas dengan pihak lawan untuk menumbangkan Perdana Menteri?

J: Mereka tidak mengambil kira dan menghormati majoriti rakyat yang menyokong Perdana Menteri dan pimpinan Barisan Nasional (BN) yang lain, sekali gus dilihat cuba mempertikaikan pemilihan pemimpin menerusi sistem demokrasi berparlimen.

S: 'Badal' dicipta kelompok penentang ini tidak mustahil mampu menjadi 'anak-anak' yang boleh mereputkan parti. Bagai-

mana kelangsungan UMNO/BN pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti?

J: Kita sedih dengan perkembangan politik hari ini apabila segelintir pihak seperti Dr Mahathir lebih mengutamakan kepentingan diri dan pastinya beliau akan dikenang sebagai 'Bapa Perpecahan UMNO'.

Beliau boleh meninggalkan UMNO tetapi pada masa sama beliau bukan hanya mengkhianati parti, malah diri sendiri dan perjuangannya dalam politik. Saya cukup yakin tindakan sesetengah pihak ini tidak akan melemahkan ahli parti untuk memastikan UMNO terus mendapat mandat dalam PRU14.